SULIT

# UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

## PEPERIKSAAN AKHIR
## SEMESTER I
## SESI 2019/2020

| | | |
|---|---|---|
| NAMA KURSUS | : | PENGURUSAN KEWANGAN |
| KOD KURSUS | : | BBP 37303 |
| KOD PROGRAM | : | BBC |
| TARIKH PEPERIKSAAN | : | DISEMBER 2019/JANUARI 2020 |
| MASA | : | 2 JAM 30 MINIT |
| ARAHAN | : | JAWAB SEMUA SOALAN DI KERTAS OMR.<br><br>DIBENARKAN PENGGUNAAN ALAT KALKULATOR UNTUK PENGIRAAN. |

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG LIMA BELAS (15) MUKA SURAT

TERBUKA

SULIT

**S1** Maksud SIMPANKIRA adalah,

A. cara menyimpan dokumen-dokumen urusniaga belian dan jualan, pembayaran bil elektrik dan air, baucar pembayaran gaji dan upah pekerja dan dokumentasi urusan yang lain.
B. cara merekod urusniaga perniagaan dengan tepat dan sistematik dalam pelbagai jenis akaun.
C. cara penyimpanan wang masuk dan wang keluar perniagaan.
D. cara merekod maklumat perakaunan dalam buku-buku akaun yang bersesuai.

**S2** Perakaunan meliputi proses

A. simpankira dan penyediaan maklumat perakaunan bagi kegunaan pihak yang berkepentingan untuk membuat sesuatu keputusan yang berkaitan dengan operasi perniagaan kewangan
B. dokumentasi perniagaan dengan sistem dan standard penyimpanan fail yang dibenarkan oleh Bank Negara.
C. penyimpanan aset dan liabiliti perniagaan dalam penyata kewangan yang terdiri daripada Penyata Perniagaan, Penyata Untung Rugi dan Penyata Kunci Kira-kira.
D. mendaftar perniagaan dengan unit pendaftaran perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalaman dan Antarabangsa.

**S3** Senarai berikut merupakan konsep dan prinsip sistem merekod urusniaga, kecuali,

I. Entiti Berasingan
II. Permadanan
III. Prinsip Catatan Bergu
IV. Usaha Berterusan
V. Kos Sejarah
VI. Wang Sebagai Ukuran
VII. Tempoh Perakaunan

A. I, II, III sahaja
B. IV, V, VI dan VII sahaja
C. I, II, III, V dan VII sahaja
D. I, II, III, IV, V, VI dan VII

TERBUKA

**S4** Sistem Catatan Bergu menjelaskan bahawa,

A. sesuatu dokumen yang digunakan dalam urusniaga, mesti disediakan dua salinan, satu disimpan dalam lokasi perniagaan dan satu lagi ditempat lain yang selamat.
B. sesuatu urusniaga perlu dicatit dua kali, sekali dibahagian debit sesuatu akaun dan sekali lagi di sebelah kredit akaun yang sama atau akaun lain.
C. Setiap pembayaran yang bukan urusan perniagaan mesti dicatat dalam jurnal dan sekali lagi di dalam buku lejar.
D. Catatan urusniaga mesti dilakukan oleh dua orang supaya perbandingan baki dapat dibandingkan dan dikenalpasti kekurangan atau kelebihan.

**S5** Pak Tan membeli sebuah kereta untuk kegunaan perniagaannya pada 9 Disember 2019 dengan harga RM125,000. Pada 10 Disember 2019 harga kereta itu turun kepada RM120,000. Mengikut konsep Kos Sejarah, nilai yang perlu dicatat dalam lejar perniagaan adalah,

A. RM120,000
B. RM125,000
C. RM115,000
D. RM130,000

**S6** Syarikat Tom Cruise memulakan perniagaan menjual nasi lemak di komplek BP Mall dengan pelabuaran tunai RM250,000, simpanan bank RM35,000 dan sebuah kereta terpakai bernilai RM50,000 untuk kegunaan pekerja. Modal yang dilaburkan oleh Syarikat Tom Cruise adalah,

A. RM250,000 sahaja
B. RM35,000 sahaja
C. RM285,000 sahaja
D. RM335,000 sahaja

**S7** Dokumen-dokumen berikut diperlukan untuk merekodkan urusnaga di dalam buku-buku akaun kecuali,

A. Sebut harga
B. Invois
C. Nota Kredit
D. Resit

TERBUKA

RESIT RASMI

**SYARIKAT SASSY CURLS**

23, Jalan Damai 8
54100 Kuala Lumpur
Tel: 03-26153883 Faks: 03-26153883

No. 8832

Tarikh: 1 April 20X8

Diterima daripada : *Syarikat Wella*

Ringgit Malaysia : *Dua ribu satu ratus empat puluh tujuh sahaja*

Bayaran untuk : *Menjelaskan invois 3890*

RM2 147.00

Tunai/No. Cek : BBB 122150

*Yu May*
Pengurus

**Rajah S8** Resit Rasmi

**S8** **Rajah S8** memberi maklumat berikut kecuali,

A. Syarikat Sassy Curls menerima resit dari Syarikat Wella
B. Syarikat Wella menjelaskan invois 3890
C. Resit yang dikeluarkan bertarikh 1 April 20X8
D. Jumlah yang dibayar adalah RM2147.00

**S9** Merujuk kepada **Rajah S8**, jumlah RM2147.00 dibayar menerusi

A. secara tunai
B. cek
C. kad debit
D. kad kredit

**S10** Syarikat Welward ingin membayar upah kepada pekerja sambilan untuk bulan Disember, dokumen yang sesuai digunakan adalah,

A. Resit Rasmi
B. Nota Kredit
C. Baucer Pembayaran
D. Nota Serahan

TERBUKA

**S11** "Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad dianggap sebagai satu bentuk organisasi perniagaan yang wujud selama-lamanya."
Pernyataan di atas menerangkan konsep

A. Entiti Berasingan
B. Pemadanan
C. Tempoh Perakaunan
D. Badan Berterusan

**S12** Pada setiap akhir tempoh perakaunan, Perniagaan Yangyang menyusutnilaikan kenderaan perniagaan pada kadar 20% setahun atas kos. Apakah konsep perakaunan yang dipatuh oleh Perniagaan Yangyang.

A. Kos Sejarah
B. Ketekalan
C. Pemadanan
D. Tempoh Perakaunan

**S13** Berikut merupakan jenis-jenis rekod simpankira seseorang perniagaan tunggal,
I. Penerimaan & Pembayaran wang tunai
II. Belian dan Jualan
III. Hasil dan Belanja
IV. Aset dan Liabiliti perniagaan

A. I dan II sahaja
B. III dan IV sahaja
C. I, II dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV

**S14** Ayat berikut benar berkenaan dengan konsep Sistem Catatan Bergu.

A. Catatan akaun sesuatu urusniaga perlu disediakan dokumentasi dua salinan
B. Sesuatu urusniaga perlu direkodkan jumlah yang sama secara serentak di dalam dua akaun yang berkaitan, akaun yang menerima duit akan didebitkan dan akaun yang mengeluarkan duit dikreditkan.
C. Seorang penyimpan kira perlu dilantik untuk menguruskan duit yang keluar dan catatannya. Seorang lagi dilantik untuk mengurus dan merekod duit yang diterima.
D. Sesuatu urusniaga yang berlaku perlu dicatat dua kali jumlahnya di dalam akaun yang sama, satu di debit dan satu lagi di sebelah kredit.

TERBUKA

**S15** Kesemua yang tersebut di bawah adalah aset sesebuah perniagaan kecuali,

A. Alatan Pejabat
B. Tunai di bank
C. Pemiutang
D. Premis

**S16** Kenyataan berikut tidak benar berkenaan dengan Liabiliti perniagaan

A. Hutang perniagaan yang perlu dibayar balik melebihi tempoh 1 tahun dicatatkan sebagai Liabiliti Bukan Semasa.
B. Hutang perniagaan yang perlu dibayar balik dalam tempoh perakaunan tidak lebih 1 tahun dicatatkan sebagai Liabiliti Semasa
C. Overdraf Bank adalah dicatatkan sebagai Liabiliti Bukan Semasa
D. Pinjaman Bank yang bercagar dianggap sebagai Libiliti jangkamasa panjang.

**S17** Dalam istilah catatan akaun, jumlah modal yang dilaburkan oleh seseorang peniaga ke dalam perniagaannya dan keuntungan yang diperolehi perniagaan dikategorikan sebagai,

A. Pelaburan perniaga
B. Pinjaman Perniaga
C. Hak Milik Perniaga
D. Ekuiti Pemilik

**S18** Kedai Perabot Amin membeli beberapa meja elektronik untuk kegunaan pejabat pentadbirannya. Urusniaga ini dianggap sebagai ......................... semasa catatan ke dalam buku akaun.

A. belian
B. beli aset
C. ambilan
D. belanja

TERBUKA

**S19** Pada 1 Disember 2019,baki tunai di tangan ialah RM500. Urusniaga tunai pada bulan Disember adalah seperti berikut,

| | | |
|---|---|---|
| Dis 6 | Beli Barang | RM250.00 |
| Dis 10 | Jual barang | RM380.00 |
| Dis 15 | Beli Alatulis | RM30.00 |
| Dis 27 | Belian Perabot | RM200.00 |

Baki tunai pada penghujung Disember adalah

A. RM400.00
B. RM350.00.
C. RM70.00
D. RM120.00

**S20** Baki Akaun Bank pada 1 Disember 2019 ialah RM10,000. Urusniaga yang berlaku pada bulan Disember adalah seperti berikut,

| | | | |
|---|---|---|---|
| Disember | 5 | Simpan tunai di tangan ke bank | RM3000 |
| | 9 | Beli barang dengan cek | RM600 |
| | 20 | Bayar sewa dengan tunai | RM500 |
| | 24 | Jualan tunai dan dibankkan | RM2000 |
| | 29 | keluarkan tunai dari bank untuk pejabat | RM100 |

A. RM13800
B. RM12300
C. RM14300
D. RM13400

TERBUKA

**Rajah S21** digunakan untuk **S21** dan **S22**.

DEBIT — Akaun Jualan — KREDIT

| Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah | Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Mac 8 | Zakiah | | 500 |

DEBIT — Zakiah — KREDIT

| Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah | Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Mac 8 | Jualan | | 500 | Mac 27 | Tunai | | 400 |
| | | | | Mac 28 | Baki | b/b | 100 |
| | | | 500 | | | | 500 |
| April 1 | Baki | h/b | 100 | | | | |

DEBIT — Akaun Tunai — KREDIT

| Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah | Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Mac 27 | Zakiah | | 400 | | | | |

**Rajah S21** Catatan urusniaga seorang Penghutang.

**S21** Manakah penyataan yang berikut tidak benar penerangannya berkaitan dengan **Rajah S21**

A. Jualan secara kredit kepada Zakiah sebanyak RM500 pada 8 Mac.
B. Zakiah telah membuat pembayaran secara tunai pada 27 Mac
C. Baki hutang Zakiah telah berkurangan sebanyak RM400 pada 28 Mac
D. Akaun Tunai menunjukkan hutang Zakiah telah bertambah sebanyak RM400 pada 27 Mac.

**S22** Rujuk kepada **Rajah S21**, Zakiah memulangkan barang bernilai RM100 pada 28 Mac kerana rosak, bagaimanakah catatannya?

A. Debit Akaun Pulangan Masuk RM100 dan kredit Zakiah RM100
B. Debit Akaun Tunai RM100 dan kredit Zakiah RM100
C. Debit Akaun Stok RM100 dan kredit Akaun Pulangan Masuk RM100
D. Debit Zakiah RM100 dan kredit Akaun Pulangan Masuk RM100

TERBUKA

**S23** Urusniga berikut berlaku pada 15 dan 25 April. Pilih catatan yang betul dalam akaun Syarikat ABC untuk bulan April.

- April 15 belian barangan secara kredit daripada Syarikat ABC sebanyak RM4500
- April 25 Syarikat ABC terima sebahagian hutang dengan cek sebanyak RM2500

A. DEBIT Syarikat ABC KREDIT

| Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah | Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| April 25 | Jualan | | 4500 | April 25 | Tunai | | 2500 |
| | | | | | Baki | b/b | 2000 |
| | | | 4500 | | | | 4500 |
| Mei 1 | Baki | h/b | 2000 | | | | |

B. Syarikat ABC

| Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah | Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| April 15 | Kredit | | 4500 | April 25 | Cek | | 2500 |
| April 30 | Baki | | 2000 | | | | |
| | | | 6500 | | | | 6500 |
| | | | | Mei 1 | Baki | h/b | 2000 |

C. Syarikat ABC

| Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah | Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| April 15 | Belian | | 4500 | April 25 | Bank | | 2500 |
| | | | | April 30 | Baki | b/b | 2000 |
| | | | 4500 | | | | 4500 |
| Mei 1 | Baki | h/b | 2000 | | | | |

D. Syarikat ABC

| Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah | Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| April 25 | Bank | | 2500 | April 15 | Belian | | 4500 |
| April 30 | Baki | b/b | 2000 | | | | |
| | | | 4500 | | | | 4500 |
| | | | | Mei 1 | Baki | h/b | 2000 |

TERBUKA

**S24** Akaun Bank yang mana satu akan menunjukkan baki Overdraf Bank untuk bulan Januari dan berapakah overdrafnya.

DEBIT Akaun Bank Syarikat A KREDIT

| Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah | Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jan 1 | Baki | h/b | 4500 | Jan 5 | Belian | | 3560 |
| Jan 9 | Jualan | | 556 | Jan 18 | Perabot | | 4430 |
| Jan 24 | Syarikat T | | 2112 | Jan 21 | Sewa | | 980 |
| | | | | Jan 28 | Azman | | 987 |

DEBIT Akaun Bank Syarikat B KREDIT

| Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah | Tarikh | Butiran | Folio | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jan 1 | Baki | h/b | 2345 | Jan 2 | Alatulis | | 234 |
| Jan 13 | Tunai | | 900 | Jan 17 | Gaji | | 1430 |
| | | | | Jan 20 | Sewa | | 250 |
| | | | | Jan 23 | Belian | | 335 |
| | | | | Jan 27 | Belian | | 553 |

A. Syarikat A – Overdraf Bank RM2897
B. Syarikat B – Overdraf Bank RM443
C. Syarikat A, Overdraf Bank RM2897 dan Syarikat B, Overdraf Bank RM443
D. Syarikat A – Overdraf Bank RM2789

**S25** Syarikat XYZ adalah penghutang Kedai Lia Hua. Pada bulan September, Syarikat XYZ telah menjelaskan hutangnya yang berjumlah RM6500 dengan diberi diskaun tunai sebanyak 10% atas jumlah hutang. Syarikat XYZ ingin membayar dengan cek, berapakah nilai yang perlu ditulis atas cek tersebut?

A. RM6500
B. RM6850
C. RM5,850
D. RM7150

**S26** Sekiranya sesuatu cek yang perniagaan terima dari penghutang menjadi tak layan oleh pihak bank, bagaimanakah cara catatannya dalam buku akaun perniagaan.

A. Debit akaun cek tak layan dan kredit akaun penghutang
B. Debit akaun bank dan kredit akaun penghutang
C. Kredit akaun bank dan debit akaun penghutang
D. Debit akaun penghutang dan kredit akaun jualan

TERBUKA

**S27** Berdasarkan maklumat di bawah, hitungkan kadar pusing ganti stok.

| | |
|---|---|
| Stok Awal | RM 6800 |
| Belian | RM39500 |
| Pulangan Belian | RM 950 |
| Stok Akhir | RM 8100 |

A. 2.5
B. 5.0
C. 5.1
D. 5.3

**S28** Baki-baki di bawah merupakan aset dan liabiliti Kedai Edaran Moden pada 31 Disember. Berapakah nisbah semasanya?

- Tunai di tangan RM2,500
- Tunai di bank RM4,900
- Premis RM20,000
- Kenderaan RM15,000
- Penghutang RM5,000
- Pemiutang RM6,400
- Pinjaman Bank RM15,000

A. 1:5
B. 1:2.2
C. 2.2:1
D. 3:3

**Rajah S29** menunjukkan butir-butir dipetik daripada buku akaun Amiudin pada 30 November 2019.

| | |
|---|---|
| Jualan | 164,190 |
| Stok Awal | 15,780 |
| Belian | 136,840 |
| Stok Akhir | 26,320 |
| Belanja Am | 2,900 |
| Kadarbayaran | 2,000 |

**Rajah S29** baki akaun

**S29** Rujuk pada **Rajah S29** dan kirakan Kos Jualan Amiudin pada 30 November 2019.

A. 37,890
B. 152,620
C. 28,060
D. 126,300

TERBUKA

**S30** Rujuk kepada baki-baki **Rajah S29**, berapakan untung bersih Amiudin pada 30 November 2019

A. 32,990
B. 37,890
C. 28,060
D. 126,300

**S31** Sekiranya sesebuah perniagaan memperolehi jumlah jualan kasar RM42,500 dan pulangan jualan sebanyak RM500. Untung Bersih yang dihitung adalah sebanyak RM4,400, maka, Peratus Untung Bersih atas Jualan adalah

A. 0.105
B. 10.5
C. 9.5
D. 15.0

**S32** Setelah penyediaan Kunci Kira-kira, Kedai Tantitun mendapati aset semasa tanpa stok akhir pada 31 Disember 2019 berjumlah RM25,450, Stok akhir dinilai berjumlah RM5100 dan liabiliti semasa berjumlah RM15,430. Berapakah Nisbah Ujian Asid Kedai Tantitun.

A. 1.32 : 1
B. 1.99 : 1
C. 1.00 : 1.00
D. 1.65 : 1

Soalan **S33** hingga **S35** merujuk kepada **Jadual S33** .

| | |
|---|---|
| Jualan | 12,200 |
| Pulangan Jualan | 200 |
| Stok awal | 4,000 |
| Belian | 6,300 |
| Pulangan Belian | 300 |
| Angkutan Masuk | 100 |
| Stok akhir | 800 |
| Gaji | 1,000 |
| Sewa | 500 |
| Faedah diberi | 200 |
| Insurans | 300 |
| Diskaun diterima | 250 |
| Komisen diterima | 100 |

**Jadual S33** Baki Lejar

TERBUKA

**S33** Daripada Jadual **S33**, kirakan Kos Jualan.

A. 6,000
B. 10,300
C. 6,100
D. 9,300

**S34** Daripada Jadual S33, kirakan Untung Kasar.

A. 2,700
B. 9,300
C. 1,050
D. 3,000

**S35** Daripada Jadual S33, kirakan Untung Bersih.

A. 700
B. 1,050
C. 1,500
D. 3,050

**S36** Sekiranya Modal pada 1 Jan 2019 adalah RM24,000. Untung Bersih tahun perakaunan 2019 yang berakhir 31 Disember 2019 ialah RM4,500. Jumlah Ambilan yang berlaku untuk tahun 2019 berjumlah RM2000, berapakah Modal pada 31 Disember 2019?

A. 22,520
B. 26,500
C. 28,500
D. 25,500

TERBUKA

**Jadual S37** digunakan untuk **S37-S40**

| | | |
|---|---|---|
| Modal pada 1 Julai 2006 | | 23390 |
| Stok 1 Julai 2006 | 3200 | |
| Premis (Kos) | 20000 | |
| Peralatan (Kos) | 8000 | |
| Bank | 6340 | |
| Belian | 30500 | |
| Jualan | | 52730 |
| Kadar Bayaran | 4760 | |
| Gaji | 5040 | |
| Belanja Am | 780 | |
| Diskaun Diberi | 500 | |
| Diskaun Diterima | | 1000 |
| Penghutang | 2100 | |
| Pemiutang | | 2480 |
| Angkutan Keluar | 590 | |
| Pulangan Belian | | 140 |
| Ambilan | 4430 | |
| Pinjaman | | 6500 |

**Jadual S37** Imbangan Duga pada 31 Julai 2006

**S37** Dari Imbangan Duga **Jadual S37**, kirakan Untung Kasar untuk tempoh berakhir 31 Julai 2006.

A. 20,170
B. 19,170
C. 11,670
D. 19310

**S38** Dari **Jadual S37**, kirakan Untung Bersih untuk tempoh berakhir 31 Julai 2006

A. 20,170
B. 12,170
C. 11,670
D. 8,500

TERBUKA

**S39** Dari **Jadual S37**, kirakan Ekuiti Pemilih dan berapakah modal pada 31 Julai 2006.

A. 22,460
B. 31,890
C. 27,460
D. 33,960

**S40** Dari **Jadual S37**, berapakah jumlah aset pada 31 Julai 2006.

A. 33,960
B. 27,460
C. 28,000
D. 31,890

- **SOALAN TAMAT** -

TERBUKA